



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL KONSERVASI NCTF 1.0 (NCTF
CONSERVATION SHOWCASE 1.0)**

7 DISEMBER 2024 (SABTU)

IOI CITY MALL, PUTRAJAYA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

1. **Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim**
Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
2. **Yang Berusaha Puan Norsham binti Abdul Latip**
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)
3. **Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Azman bin Haji Mohd Ariffin**
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)
4. **Yang Berusaha Encik Wilfred Wong**
Timbalan Pengurus Besar, IOI City Mall
5. Pegawai – pegawai kanan kerajaan
6. Rakan – rakan media

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana kita dapat bersama-sama pada hari ini bagi memeriahkan program Karnival Konservasi NCTF 1.0 (NCTF Conservation Showcase 1.0.).
2. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan daripada jabatan/agensi kerajaan, agensi swasta, syarikat korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan institusi pengajian tinggi serta pengunjung IOI City Mall, Putrajaya.

3. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada IOI City Mall kerana memberi ruang kepada NCTF dalam menyokong usaha kerajaan memberi pendedahan kepada masyarakat berkenaan usaha dan kepentingan konservasi kepada negara. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak AEON Credit (M) Berhad dan AEON Co. (M) Berhad atas kerjasama dalam penganjuran program ini.

Hadirin sekalian,

4. Karnival Konservasi NCTF 1.0 ini adalah julung kali diadakan. Justeru, sukacita saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak penganjur, Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional (National Conservation Trust Fund for Natural Resources-NCTF) atas penganjuran program ini.

5. NCTF merupakan tabung amanah di bawah NRES yang telah ditubuhkan pada 7 Januari 2015. Pada awal penubuhannya, NCTF telah menerima peruntukan sebanyak RM10 juta daripada Kementerian Kewangan (MOF). Tabung ini juga telah menerima sumbangan sebanyak RM7.74 juta dari sebuah entiti korporat beserta geran padanan dengan jumlah yang sama daripada MOF.

6. Saya dimaklumkan bahawa sehingga kini, NCTF telah membiayai sebanyak 112 projek konservasi dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM21.49 juta meliputi 6 kategori konservasi iaitu kategori flora; fauna; marin dan ekosistem; ekosistem air tawar; gua dan batu kapur; serta komuniti orang asal dan Orang Asli.

KOMITMEN PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN SUMBER ASLI

Hadirin sekalian,

7. NRES komited dalam melaksanakan pemuliharaan dan pemeliharaan sumber asli negara menerusi NCTF. Aktiviti yang dilaksanakan termasuklah penyelidikan, pembangunan, pengurusan, perlindungan, mitigasi kepada perubahan iklim, kesedaran dan usaha-usaha konservasi flora dan fauna serta penggunaan lestari yang mana aktiviti-aktiviti tersebut bertujuan menjaga kepentingan ekosistem, masyarakat peribumi dan masyarakat tempatan.

8. Malaysia merupakan antara 17 negara megadiverse yang memiliki 20 peratus spesies haiwan di seluruh dunia, manakala hutan kita berusia lebih 100 juta tahun dan Malaysia adalah anggota kepada Coral Triangle Initiative (CTI). Malaysia juga merupakan antara negara terawal yang mengintegrasikan Kerangka Kerja Biodiversiti Global Kunming-Montreal ke dalam Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2022-2030.

9. Selaras dengan DKBK 2022-2030, Malaysia menasaskan menjelang tahun 2030, bilangan kanak-kanak dan remaja yang menyertai aktiviti konservasi biodiversiti meningkat 50% berbanding pada tahun 2024 dan saya dimaklumkan bahawa karnival kita pada hari ini juga disertai oleh mahasiswa dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Jengka, UiTM Shah Alam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN). Justeru, diharapkan agar program ini dapat memberi pendedahan kepada generasi muda akan usaha Kerajaan dalam memulihara alam semula jadi negara serta kepentingannya terhadap kehidupan kita.

10. Hal ini kerana saban tahun, Malaysia telah mengalami pembangunan yang pesat dalam pembinaan kawasan perumahan dan perindustrian, perbandaran, dan infrastruktur. Peralihan Malaysia daripada negara membangun kepada negara maju dan berpendapatan tinggi telah memberikan tekanan kepada sumber asli negara dengan banyak spesies yang diancam kepupusan. Tekanan lain yang turut mengancam kepelbagaian biologi negara termasuk habitat yang terpisah (fragmented), spesies asing invasif, peningkatan persaingan guna tanah, perubahan iklim, pemburuan haram dan pencemaran alam sekitar.

11. Justeru, peningkatan tahap kesedaran dalam kalangan rakyat tentang kepentingan melindungi biodiversiti negara adalah amat penting. Adalah diharapkan, melalui Karnival Konservasi NCTF 1.0 ini dapat membawa mesej kesedaran kepada masyarakat untuk memelihara dan memulihara sumber asli dan alam sekitar.

12. Menjelang tahun 2030 juga, negara mensasarkan pengukuhan peranan Orang Asli, masyarakat setempat, orang awam, sektor swasta dan ahli akademik dalam konservasi biodiversiti. Bagi merealisasikannya, NCTF membuka peluang kepada ahli akademik, badan bukan kerajaan, sektor swasta dan agensi kerajaan untuk menjalankan kajian-kajian konservasi biodiversiti negara.

KARNIVAL KONSERVASI NCTF 1.0

Hadirin sekalian,

13. Pada hari ini, Karnival Konservasi NCTF 1.0 menampilkan 12 reruai yang melibatkan pempamer-pempamer yang telah melaksanakan aktiviti-aktiviti konservasi yang dibiayai di bawah NCTF.

14. Saya juga difahamkan bahawa pada hari ini, kita turut menjemput syarikat-syarikat korporat bagi melihat sendiri aktiviti-aktiviti konservasi yang telah dilaksanakan di bawah NCTF. Kerajaan amat mengalu-alukan penyertaan syarikat korporat dalam menjalin kerjasama untuk mencapai matlamat negara dalam pemuliharaan biodiversiti supaya agenda biodiversiti global dapat diintegrasikan dengan dasar semasa Malaysia menerusi Corporate Social Responsibility (CSR) dan aspek Environmental, Social and Governance (ESG) oleh syarikat korporat.

15. Saya berharap agar usaha NCTF dalam memulihara dan memelihara sumber biologi negara dapat diperkukuhkan lagi dengan turut melibatkan pengemblengan tenaga dari pelbagai sektor. Kita tidak ingin lagi melihat spesies asal negara mengalami akibat yang sama seperti kepupusan Badak Sumatera. Oleh itu, usaha ini perlu diteruskan oleh semua lapisan masyarakat supaya aset semula jadi negara terpelihara dan dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

16. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan program Karnival Konservasi NCTF 1.0. Sekian, terima kasih.